

*Demo Visit <http://www.pdfsplitmerger.com>*

# LICENTIA POETICA

## PUISI MUTAKHIR MALAYSIA

Uni  
PL  
5132  
A964

AWANG AZMAN AWANG PAWI



**LICENTIA POETICA  
PUI SI MUTAKHIR MALAYSIA**

Demo (Visit <http://www.pdfsplitmerger.com>)

# LICENTIA POETICA PUI SI MUTAKHIR MALAYSIA

**Awang Azman Awang Pawi**

*Demo (Visit <http://www.pdfsplitmerger.com>)*

Universiti Malaysia Sarawak  
Kota Samarahan  
2003

Cetakan Pertama 2003  
© Awang Azman Awang Pawi

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
Universiti Malaysia Sarawak,  
94300 Kota Samarahan,  
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh  
PERUSAHAAN KUBARU SDN. BHD.  
Lot 231, Jalan Nipah, Off Jalan Abell,  
93100 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Awang Azman Awang Pawi  
Licentia Poetica Puisi Mutakhir Malaysia  
1. Criticism 2. Poetry 3. Literature

ISBN 983-9257-26-9

Buat Isteri dan anak-anakku

*Khadijah Mohamad Tuah  
Dayang Shasha  
Awang Shariq Daanish*

Demo (Visit <http://www.pdfsplitmerger.com>)

# KANDUNGAN

Prakata	ix
Pendahuluan	xi

## **BAB 1 PERUBAHAN DAN PENYIMPANGAN**

Perubahan Sosial Ke Arah Kemodenan	1
Pelopor dan Kedinamikan Puisi Melayu Moden	4
Omar Mustaffa: Suatu Alternatif Pelopor	8
Arus Perubahan Persajakan Melayu	12
Konvensi, Penyimpangan dan Pembaharuan Dalam Puisi Melayu Zaman Jepun	15
Perubahan dan Penyimpangan Pada Dekad 50-an dan 60-an	19
Pembaharuan dan Penyimpangan dalam Puisi-puisi 70-an	25
Perkembangan Puisi Dekad 80-an dan 90-an	33

## **BAB 2 DEFINISI, KONSEP DAN LATAR**

Pengenalan	36
Definisi dan Konsep Puisi Melayu Mutakhir	39
Ciri-ciri Pengarang Generasi Baru	43
Tiga Penyair Pilihan	48

## **BAB 3 KONVENSI, PEMBAHARUAN DAN PENYIMPANGAN**

Pengenalan	52
Sosiologi Sastera	53
Antara Konvensional dengan Eksperimen	55
Pendekatan dalam Berkarya	57

Sifat Historis	61
Ilmu Pelengkap dan Pengalaman	63
Kecenderungan Bentuk	68
Bereksperimen Bentuk dan Isi	71
Pemikiran	75
Penerokaan Metafizika	81
Agama	84
Unsur Didaktik	86
Kesimpulan	87

#### **BAB 4      PENYIMPANGAN DAN KONVENSII                  DARI SUDUT BAHASA DAN STILISTIK**

Pengenalan	90
Penyimpangan Leksikal	92
Penyimpangan Fonologi	95
Penggunaan Laras, Penyimpangan Historis dan Dialek	99
Penyimpangan Grafologis	101
Penyimpangan Semantik	103
Gaya Paralelisme	107
Idiosinkrasi dan Kepengarangan	113
Elemen Estetika Lain	115
Licentia Poetica	122
Kesimpulan	123

#### **BAB 5      KESIMPULAN**

Bibliografi	130
Indeks	142

## PRAKATA

Selama ini kajian kesusasteraan Malaysia lebih tertumpu kepada perkembangan kesusasteraan sebelum Perang Dunia Kedua dan perkembangan kesusasteraan di Malaysia pada tahun 1950-an, 1960-an dan 1970-an. Namun begitu terlalu kurang kajian yang mengkaji kesusasteraan Malaysia pada penghujung tahun 1980-an hingga hujung abad ke-20. Buku ini menawarkan kajian tentang bidang kritikan puisi pada akhir 1980-an dan 1990-an. Kajian ini penting dan agak istimewa kerana selama ini tumpuan hanya terhadap pengarang yang sudah veteran dan kajian ini menumpukan perhatian terhadap pengarang-pengarang baru yang tidak kurang pentingnya di Malaysia akan tetapi belum dikaji lagi secara menyeluruh oleh peneliti atau pengkritik kesusasteraan di Malaysia.

Objektif buku ini adalah untuk meneliti kehadiran pengarang generasi baru yang akan mengambil alih atau bakal generasi pelapis kepada pengarang generasi sebelum ini seperti Usman Awang, Baha Zain, Latiff Mohidin, Kemala, T. Alias Taib dan Zurinah Hassan. Khalayak buku ini ialah mahasiswa, sarjana dan peneliti bidang kesusasteraan di seluruh universiti dalam dan luar Malaysia yang menawarkan bidang keserjanaan dalam persuratan Melayu. Buku ini juga amat sesuai kepada mereka yang berminat terhadap perkembangan kesusasteraan di Malaysia.

Penelitian ini tidak akan selesai tanpa bimbingan daripada beberapa sarjana sekali gus teman seperjuangan. Antara mereka ialah Dr. Shafie Abu Bakar, Siddiq Fadzil, Sahlan Mohd Saman, Siti Zainon Ismail, Mana Sikana, Hanapi Dollah, Noriah Mohamed, Anwar Ridhwan, Jeniri Amir, Hamzah Hamdani, Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Abdul Rahman Yusof dan beberapa nama lain yang tidak dapat disebutkan. Begitu juga dengan Sasterawan Negara Profesor Dr. Muhammad Haji Salleh, mantan penyelia yang mengusahakan penulis melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana. Terima kasih juga diucapkan kepada semua warga Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang sentiasa memberi tunjuk ajar, pandangan bernas dan sokongan ke arah pemantapan nilai kesusasteraan Malaysia.

Kajian ini lebih merupakan aspirasi kesinambungan kesusasteraan Malaysia yang disuburi pengarang ternama seperti Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, A. Samad Ismail, Keris Mas, Ishak Haji Muhammad dan Arenawati-bahawasanya kesusasteraan sebagai sebahagian daripada pengucapan hati nurani akar bangsa sekali gus pengucapan



intelektual dan menjadi *zeitgeist* di nusantara. Tugas mulia ini seterusnya akan disambung oleh generasi seterusnya termasuk yang dikaji ini. Kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, hanya Allah S.W.T sahaja lebih mengetahui untuk membalas budi dan jasa kalian. Buku ini ditujukan kepada semua yang prihatin terhadap kesusasteraan Malaysia.

Awang Azman Awang Pawi  
Timbalan Dekan  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak, Malaysia.

Demo (Visit <http://www.pdfsplitmerger.com>)

## PENDAHULUAN

Puisi dapat dianggap sebagai salah satu genre yang istimewa dalam kesusasteraan. Menurut William J. Grace (1965:53) patah-patah kata yang terdapat dalam puisi bukanlah sekadar simbol idea sahaja, malahan lebih luas daripada itu. Menurut Grace lagi dalam prosa penulis sering kali berbicara tentang sesuatu melalui kata-kata, sementara dalam puisi pula penulis memberikan sesuatu yang luar biasa melalui kata-kata. Leo Tolstoy misalnya, berhujah bahawa terdapat dua asas makna dalam interaksi manusia. Asas pertama ialah manusia berkomunikasi dengan ungkapan pemikiran, dan kedua manusia berinteraksi dengan mengungkapkan perasaan (Wolf, 1976:175).

Tujuan kesenian atau kesusasteraan pada Tolstoy ialah menyatukan kemanusiaan melalui perkongsian perasaan. Berdasarkan pernyataan-pernyataan tersebut kita dapati bahawa kesusasteraan penting dalam perkembangan pemikiran dan perasaan manusia. Perkembangan puisi Melayu moden bermula seawal-awalnya pada tahun 1913. Puisi Melayu moden ini dimulai oleh Omar Mustaffa dalam sajaknya bertajuk “Angan-angan dengan Gurindam” yang tersiar di *Utusan Melayu* pada 18 Januari 1913. Sebelum ini terdapat pendapat yang lain yang menjelaskan bahawa perkembangan puisi Melayu moden dimulai oleh Pungguk dan beberapa orang yang lain seperti Kasmani Haji Arif, Muhammad Yusuf Arsad, Chintati dan sebagainya pada dekad tahun 30-an.

Puisi Melayu moden berkembang mengikut beberapa tahap tertentu seperti perkembangan awal dekad 1930-an, zaman pendudukan Jepun dan dekad 50-an yang dibauri unsur-unsur kemasyarakatan dan nasionalisme sesuai dengan keadaan zaman pada ketika itu. Dekad 50-an diwarnai dengan suasana rakyat yang menuntut kemerdekaan, sementara dekad 60-an dipenuhi dengan pengisian kemerdekaan. Tahun-tahun 70-an pula diwarnai oleh kebangkitan puisi Melayu moden dengan lebih menyerlah lagi dengan penglibatan serius penyair-penyair yang terdidik di universiti seperti Baha Zain, Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh.

Buku *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid II* (1990:vii-viii) telah membuat pembahagian yang khusus tentang perkembangan puisi Melayu moden, iaitu perkembangan puisi dalam zaman Jepun dan perkembangan dalam tahun-tahun 50-an yang menjurus kepada

penyajak ASAS 50. Selain itu, bentuk, latar dan perkembangan dalam tahun-tahun 60-an yang dominan dengan persajakan kabur dan protes turut dibincangkan. Perbincangan di dalam buku ini meliputi dekad 70-an yang memberikan persajakan nafas baru, eksperimen, berunsur Islam dan persajakan wanita baru yang dianggap kuat dan bertenaga. Unsur-unsur pembaharuan dan penyimpangan yang dilakukan penyair begitu dirasai pada ketika itu.

Peranan kerajaan seperti mengadakan Hadiah Karya Sastera pada tahun 1970-an turut menggalakkan peningkatan kualiti dan kuantiti persajakan tanah air. Nama-nama seperti Latiff Mohidin, Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Wan A. Rafar, Zaihasra, Shafie Abu Bakar, T. Alias Taib, Jaafar HS dan Kemala adalah antara yang pernah memenangi Hadiah Karya Sastera pada 70-an dan mereka terus produktif menghasilkan karya sehingga kini. Hadiah Karya Sastera yang dimenangi menjadi perangsang dan penghargaan untuk penyair menekuni bidang puisi. Latiff Mohidin misalnya, memenangi Anugerah Puisi Putra dengan *Pesisir Waktu* yang hadiahnya berupa wang tunai RM15,000 sementara Moechtar Awang, Zurinah Hassan dan Lim Swee Tin masing-masing mendapat hadiah penghargaan.

Kajian terhadap perkembangan puisi Melayu moden dalam tahun-tahun pertengahan 80-an dan sehingga mutakhir ini belum lagi dilakukan, khususnya yang berhubung suasana persajakan di tanah air. Yang pasti, kepelbagaian jenis dan bentuk puisi kini tumbuh dengan lebih segar lagi. Suasana ini disuburi pula dengan kemunculan penyair-penyair baru yang berminat dan berbakat seperti Rahimidin Zahari, S.M Zakir, Harun A.H, Zahari Hasib, Saibil Madun, Marsli N.O, Zaen Kasturi, Lim Swee Tin dan Siti Zaleha M. Hashim. Perkembangan media cetak di tanah air juga memberikan ruang yang lebih terbuka untuk penyair baru dan lama mengisikan ruangan-ruangan kreatif yang disediakan. Faktor ini merancakkan lagi perkembangan puisi Melayu moden.

Kemunculan penyair-penyair baru bukan sekadar menambahkan senarai penyair yang ada tetapi juga memberikan dimensi baru dalam dunia penyairan. Marsli N.O, Zaen Kasturi, Rahimidin Zahari, Saibil Madun, Imlan Adabi dan Mohd Adzlan Sulong adalah antara nama yang mengisi kepenyairan Melayu mutakhir. Mereka bukan sahaja baru muncul malah dikatakan melakukan pembaharuan dan penyimpangan. Di sebalik nama-nama tersebut terdapat juga penyair lama yang terus produktif menghasilkan sajak yang diterbitkan di akhbar atau majalah diantologikan sama ada secara persendirian

ataupun bersama-sama. Antara mereka ialah seperti Siti Zainon Ismail, Baha Zain, Shafie Abu Bakar, Kemala, Muhammad Haji Salleh, Suhaimi Muhammad, Latiff Mohidin dan Rahman Shaari.

Selain itu, Hadiah Sastera Malaysia dan sayembara-sayembara yang diadakan memberikan sumbangan yang positif dalam jangka panjang. Kumpulan puisi *Sekepal Tanah* karya Rahimidin Zahari misalnya, telah diangkat sebagai pemenang Anugerah Sastera Darul Iman III dengan hadiah bernilai RM15,000. Kumpulan puisi *Katarsis* karya Zaen Kasturi pula telah mendapat penilaian akhir dalam Hadiah Sastera Malaysia, manakala sajak-sajaknya “Kampung Pertama” dan “100 Mataharimu” telah memenangi sayembara hadiah puisi anjuran DBKL-DBP. Selain itu, Zaen juga memenangi hadiah dalam Anugerah Puisi Kebangsaan Esso-GAPENA 1989.

Mutakhir ini terdapat juga golongan bukan sastera yang meminati genre puisi Melayu moden, sama ada sekadar melalui pembacaan ataupun penghasilan puisi. Antara mereka ialah Hashim Yaacob, Ras Adiba Radzi, Noordin Razak dan Che Husna Azhari yang membantu untuk memeriahkan dunia puisi tanah air. Penglibatan mereka ini memberikan petanda yang positif terhadap perkembangan dunia puisi.

Usaha menjalankan kajian puisi terhadap puisi Melayu mutakhir ialah suatu tanggungjawab sebagai langkah awal bagi penelitian terhadap puisi Melayu dalam satu dekad. Sebagai langkah permulaan, ruang lingkup buku ini mungkin agak terbatas dengan tumpuan kepada bidang puisi Melayu moden mutakhir, iaitu dalam lingkungan 1985-1997.

Fokus buku ini adalah terhadap unsur-unsur konvensi, pembaharuan, penyimpangan dan unsur *licentia poetica* dalam kumpulan puisi penyair muda yang terpilih, iaitu Zaen Kasturi, Marsli N.O dan Saibil Madun. Tumpuan akan diberi kepada kumpulan puisi mereka, meskipun terdapat puisi eceran yang diterbitkan secara perseorangan ataupun di akhbar dan majalah tempatan. Penelitian akan dibuat bagi melihat konvensi, pembaharuan penyimpangan dan pemanfaatan unsur *licentia poetica* di dalam sajak-sajak yang dihasilkan. Penilaian juga melihat sama ada pembaharuan dan penyimpangan yang dilakukan itu tulen atau dipengaruhi karya penulis lain.

Namun begitu, unsur-unsur pembaharuan dan penyimpangan tidaklah dimulakan oleh para penyair mutakhir sahaja. Unsur-unsur tersebut telah dapat dikesan sejak perkembangan awal lagi. Misalnya,

Abdul Ghafar Ibrahim dengan sajak 3V, Suhaimi Haji Muhammad dengan surealisme, Latiff Mohidin dengan magis, dan sebagainya. Unsur-unsur pembaharuan telah dilakukan daripada segi bentuk dan isi. Atas dasar tersebut, bab pertama buku ini akan menjelaskan latar belakang perubahan dan penyimpangan dalam perkembangan puisi Melayu moden yang bermula dari 1910-an sehingga kini. Penelitian ini wajar bagi melihat kecenderungan pembaharuan dan penyimpangan yang telah dilakukan, khususnya dalam konteks masa perubahan tersebut. Malah faktor-faktor yang mencetuskan perubahan tersebut akan dibincangkan bagi melihat tendensi ini dengan lebih jelas.

Bab kedua pula akan meneliti definisi atau konsep perubahan dan penyimpangan secara terperinci untuk menjadi panduan dalam konteks kajian ini tentang sama ada perubahannya jelas atau tidak. Bab ini juga akan membincangkan kebangkitan pengarang generasi baru dan sejarah perkembangannya. Ciri-ciri pengarang generasi baru turut dihuraikan bagi melihat kelainannya berbanding pengarang lain yang tidak termasuk dalam golongan ini. Selain itu, bab ini juga akan melihat perubahan yang berlaku dalam dunia kepenyairan tanah air, pada dekad 80-an dan penulis generasi baru. Selain itu, soal sama ada konsep pengarang generasi baru bersifat meluas atau bersifat terhad kepada penyair-penyair tertentu juga akan disentuh. Dengan membaca bab ini, pembaca dapat memahami latar belakang perkembangan pragensis baru dan kemunculan pengarang generasi baru, sama ada latar perkembangan puisi Melayu tersebut memberikan arah ataupun melahirkan "pemberontakan" karya daripada segi bentuk.

Bab kedua juga akan menyentuh latar belakang beberapa orang penyair mutakhir yang terpilih serta beberapa kemungkinan konvensi, pembaharuan, penyimpangan dan unsur *licentia poetica* yang diterapkan. Meskipun buku ini cuba mencari unsur-unsur tersebut, namun unsur-unsur konvensional juga akan dibincangkan untuk mencari titik pembaharuan dan penyimpangan agar skopnya menjadi lebih luas di samping untuk memahami urutan perbincangan.

Bab ketiga pula akan meneliti beberapa aspek dalam karya, sama ada unsur-unsur pembaharuan dan penyimpangan ataupun konvensi yang turut dilakukan. Hal ini mungkin dilakukan melalui ilmu pelengkap, menggunakan unsur yang bersifat historikal, pemikiran, eksperimen bentuk dan isi, hubungan dalam sosiologi sastera, agama, didaktik, penerokaan metafizika dan sebagainya. Hal-hal tersebut



akan dikaji dari segi penggunaan dan dinilai sama ada sesuai ataupun wajar. Bab ini juga akan melihat sama ada penyair mempunyai kepentingan tertentu untuk melakukan unsur-unsur tersebut. Justeru pengaruh faktor-faktor di persekitaran dan latar belakang pengarang akan turut diteliti sama ada memberi kesan kepada dunia kepenyairan mereka.

Seterusnya bab keempat akan mencari pembaharuan dan penyimpangan dari segi bahasa dan stilistik yang dilakukan. Aspek-aspek seperti penyimpangan leksikal, fonologi, semantik melalui metafora dan sebagainya akan diteliti bagi melihat atau menilai pembaharuan dan penyimpangan serta konvensi yang dilakukan oleh para penyair terpilih. Kajian dari sudut stilistik akan merangkumi pemilihan kata, gaya pengucapan, ataupun pembaharuan dan penyimpangan lain. Penggunaan bahasa dan stilistik akan menyentuh keindahan estetika, sama ada terdapat unsur pembaharuan dan penyimpangan ataupun masih lagi menggunakan unsur konvensional. Bab ini juga akan melihat kemungkinan faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi penyair dalam tindakan penyimpangan yang dilakukannya. Perbincangan adalah berdasarkan kumpulan puisi persendirian, iaitu *Katarsis* (1993) oleh Zaen Kasturi, *Hanya Kata* (1995) karya Marsli N.O dan *Laut Sebuah Ayunan* (1989) karya Saibil Madun.

Tulisan-tulisan tentang penyair generasi baru telah banyak dilakukan. Namun begitu dapat dikatakan tidak ada usaha untuk mengupas beberapa aspek dalaman atau luaran dalam karya yang dihasilkan. Berdasarkan ruang lingkup dan permasalahan, penggunaan pendekatan eklektik adalah paling sesuai digunakan dalam buku ini. Pendekatan eklektik bermakna penggunaan pelbagai pendekatan seperti historis, sosiologi, semiotik dan intertekstualiti untuk menilai atau mendekati sesuatu karya. Penggunaan pelbagai pendekatan pula berdasarkan kesesuaian kajian dan aspek yang dikaji. Hal ini perlu dilakukan kerana tidak semua pendekatan sesuai untuk digunakan untuk meneliti sesuatu karya.

Dalam bab pertama dan kedua misalnya, pendekatan historis dikaitkan dengan pendekatan sosiologi, khususnya sosiologi sastera. Pendekatan ini wajar dan sesuai digunakan untuk meneliti perkembangan puisi Melayu moden, khususnya untuk melihat sebab-musabab perubahan yang berlaku. Dalam bab ketiga pula, pendekatan strukturalisme digunakan. Penggunaan pendekatan ini wajar kerana adanya penekanan terhadap hubungan atau kaitan

antara setiap unsur di dalam karya sastra. Ini sesuai untuk meneliti beberapa aspek yang berkaitan seperti bentuk, sifat, ciri, pengaruh sezaman dan sebagainya. Selain itu, pendekatan sedemikian juga mampu melihat karya sastra sebagai gagasan yang saling berkaitan antara satu sama lain. Untuk melihat sistem dalam karya umpamanya, hubungan karya dengan sosiologi budaya tanpa mengabaikan keseluruhan bahagian sastra sebagai objek kajian, pendekatan tersebut memang wajar. Melalui pendekatan ini, karya sastra juga dianggap sebagai suatu struktur atau sistem yang memiliki konvensi dan tradisi yang tersendiri.

Dalam bab keempat, pendekatan stilistik dan beberapa aspek tentang kebahasaan digunakan bagi melihat unsur-unsur konvensi, pembaharuan dan penyimpangan yang dilakukan ketiga-tiga orang penyair. Di samping itu, pendekatan ini juga mampu melihat gaya peribadi, pengaruh dan stail pengucapan di dalam puisi. Pada masa yang sama jati diri seseorang penyair juga boleh dilihat melalui pendekatan ini. Justeru pendekatan eklektik yang digunakan dalam buku ini dibuat dengan berhati-hati.

Umumnya bidang puisi Melayu agak kurang mendapat perhatian pengkaji meskipun penghasilan karya puisi itu sendiri banyak dihasilkan di tanah air. Contoh yang paling nyata ialah sajak-sajak yang dimuatkan di *Dewan Sastra*. Sehingga akhir dekad 1990-an hampir tidak ada penelitian atau ulasan mahupun kritikan dilakukan untuk memberikan kefahaman dan bimbingan kepada pembaca yang disiarkan di majalah tersebut. Begitu juga dengan sajak-sajak yang termuat di dalam akhbar-akhbar seperti *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* yang umumnya tidak disertai ulasan dan kritikan dilakukan terhadapnya. Suasana sedemikian dapat memalapkan dunia puisi Melayu pada masa akan datang kerana pembinaan karya yang baik memerlukan bimbingan dan kritikan demi penghasilan karya yang berkualiti.

Hal ini berbeza dengan cerpen. Banyak cerpen yang dimuatkan di majalah khusus seperti *Dewan Sastra* atau akhbar seperti *Utusan Malaysia* yang diulas atau dikritik tidak lama selepas cerpen-cerpen tersebut disiarkan. Sekiranya hal ini berlanjutan, cerpen Melayu akan cepat berkembang berbanding dunia puisi. Seharusnya genre puisi lebih cepat berkembang dari segi kualiti dan pembaharuan kerana penghasilan puisi lebih mudah kerana lebih pendek, ringkas dan padat berbanding dengan cerpen.

Secara keseluruhannya, dunia kritikan puisi mutakhir ini dapat

dikatakan malap berbanding dengan kritikan novel, drama dan cerpen. Agak kurang perbincangan kecuali yang dilakukan terhadap kumpulan puisi baru Dewan Bahasa dan Pustaka. Perbincangan yang terbatas itu sendiri lazimnya dianjurkan oleh badan berkanun itu.

Kritikan puisi dapat dikatakan gemilang pada dekad 70-an. Hal ini berkait rapat dengan perkembangan puisi pada era tersebut. Setakat ini minat bagi membuat pengkhususan dalam kritikan puisi juga agak berkurangan, lebih-lebih lagi untuk menumpukan penelitian terhadap sajak-sajak dekad 80-an dan 90-an. Di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, misalnya calon-calon prasiswazah dan lanjutannya kurang gemar mengkhusus dalam bidang kritikan puisi dan bilangan mereka semakin mengecil dari semasa ke semasa berbanding dengan kritikan cerpen dan novel.

Sehingga kini, belum ada lagi kajian ilmiah sama ada pada peringkat latihan ilmiah, atau sarjana mahupun tesis dan disertasi yang menyentuh dunia kepenyairan ketiga-tiga orang penyair yang dikaji dalam buku ini. Kritikan puisi dari sudut lain seperti tesis sarjana Ahmad Kamal Abdullah bertajuk *Unsur-unsur Islam Dalam Puisi Melayu Moden* yang kemudian dibukukan turut tidak membincangkan ketiga-tiga orang penyair yang dikaji. Hal ini berlaku kerana kajian tersebut dibataskan sehingga dekad 70-an sahaja dan dunia kepenyairan para penyair yang dikaji dalam buku ini belum lagi bermula.

Maharam Mamat daripada Jabatan Persuratan Melayu, UKM sesi 1997/98 menjalankan kajian yang bertajuk “Baru” Dalam Karya Generasi Baru” ada menyentuh pembaharuan oleh penulis muda mutakhir termasuk Marsli N.O. Namun begitu, kajian tersebut lebih menjurus kepada genre cerpen dan tidak menyentuh bidang puisi.

Namun begitu, terdapat juga penulisan secara eceran tentang kritikan puisi, meskipun hal yang disentuh kurang mendalam. Rahman Shaari (1996:36-37) misalnya, pernah melakukan kritikan terhadap sajak Zaen Kasturi di majalah *Dewan Sastera* yang bertajuk “Sajak-sajak Sepatu”. Namun begitu kajian itu agak pendek, malah perbincangannya juga dipersempit lebih-lebih lagi apabila dibandingkan dengan sajak-sajak Rendra. Tidak ada penemuan yang baru dihasilkan daripada tulisan itu. Malahan, dalam tulisan itu Rahman lebih cenderung membuat kenyataan yang umum.

Suhaimi Hj. Muhammad pula pernah membentangkan kertas kerja di Seminar Karya Generasi Baru (Genre Baru) yang bertajuk “*Hanya Kata Lahirnya Seorang Seniman*” pada 18 Julai 1998 di Sudut



Penulis DBP, Kuala Lumpur. Tulisan tersebut lebih membincangkan alat-alat yang digunakan bagi keberkesanan karya yang cuba dilakukan oleh Marsli N.O dalam kumpulan puisi *Hanya Kata*. Suhaimi membuat rumusan bahawa Marsli berjaya memberikan kesan yang lebih dan menjadi lebih matang dan teliti dalam dunia kepenyairannya. Namun begitu Suhaimi tidak menyentuh unsur-unsur pembaharuan dan penyimpangan yang dilakukan oleh Marsli.

Hanya sajak-sajak Zaen Kasturi dan Marsli N.O yang mendapat perhatian pengkritik sastera, sedangkan sajak-sajak Saibil Madun tidak mendapat perhatian. Hal ini mungkin disebabkan kedudukan Saibil yang tinggal di Sabah yang memencilkan penyair tersebut daripada mendapat tempat yang lebih wajar berbanding penyair-penyair dari Semenanjung. Saibil yang pernah melahirkan kumpulan puisi persendirian dan eceran khususnya di *Dewan Sastera* dapat dikatakan tidak pernah diperkatakan di peringkat nasional meskipun karya-karyanya juga mendapat tempat di media massa. Justeru adalah wajar puisi-puisi yang dihasilkan diberi penilaian secara bertimbang tara.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tersebut adalah wajar kajian baru seperti ini dilakukan agar dapat menelurkan penemuan yang dapat dirumuskan. Rumusan ini akan memberikan sumbangan kepada dunia sastera di tanah air, khususnya dalam bidang puisi Melayu mutakhir. Kekurangan kajian untuk dijadikan bahan rujukan dapat membantutkan usaha untuk meluaskan khazanah sastera tanah air. Penerokaan persoalan yang baru akan memberikan kepuasan sekiranya terhasil penemuan baru yang akan memperkaya kajian terhadap kesusasteraan Melayu.

## BAB 1

# PERUBAHAN DAN PENYIMPANGAN

### PERUBAHAN SOSIAL KE ARAH KEMODENAN

Menurut Ahmad Kamal Abdullah (1989:66), perkembangan puisi Melayu moden ada hubungannya dengan kemasukan kuasa penjajahan Barat ke Nusantara. Melalui sistem pendidikannya, Barat telah memperkenalkan semangat kemerdekaan bersuara, individualisme dan seterusnya sesuatu yang dianggap “moden” atau “baru” di dalam kesusasteraan dan kesedaran ini mula mempengaruhi sastera Melayu. Muhammad Haji Salleh (1977) dalam bukunya *Tradition and Change in Contemporary Malay-Indonesian Poetry* yang juga merupakan disertasi Doktor Falsafahnya menyatakan bahawa pengabaian puisi Melayu tradisional telah memberikan kesan dan ruang yang lebih kepada sistem pendidikan penjajahan untuk mengutamakan kesusasteraan Barat seperti sastera Inggeris. Hal ini berlaku kerana sastera tradisional tidak termasuk sebagai sebahagian daripada kurikulum. Justeru sejak awal lagi pemikiran kanak-kanak dilatih menghargai pencapaian bangsa penjajah, mengkaji pemikiran, nilai dan imej sastera bangsa daripada kaca mata Barat.

Dalam hubungan ini, Muhammad Haji Salleh (1977:81) menjelaskan bahawa pengabaian tradisi dalam kalangan penyair mutakhir merupakan salah satu kesan sistem pendidikan kolonial yang menekankan kesusasteraan kolonial dalam kurikulum daripada kesusasteraan tradisional hingga minda pelajar dari awal lagi telah

dilatih untuk menghargai pencapaian penjajah serta mempelajari kaedah berfikir dan wacana mengenainya. Sistem pendidikan Barat juga menggalakkan berlakunya perubahan diri dan masyarakat. Dengan kata lain, aspek perubahan sosial berlaku hingga nilai individu, sikap dan tingkah lakunya berubah sejajar dengan perubahan dalam struktur sosial (Lauer (1973:351). Dengan itu, perubahan besar berlaku dalam masyarakat. Perubahan tersebut kadangkala bercampur baur dengan pengaruh Barat. Justeru wujudlah sikap individu ataupun masyarakat moden yang menurut Inkeles dan Smith (1974: 290) sebagai “bersedia menerima idea dan pengalaman baru, iaitu berminda terbuka dan luwes dari segi kognitif.”

Penyataan di atas menunjukkan konsep keindividuan yang dibawa Barat. Individu moden diberikan konsep dan tafsiran pada kaca mata Barat. Kesediaan untuk menerima pengalaman dan idea baru, serta berfikiran lebih terbuka dapat pula dikaitkan dengan masyarakat di alam Melayu meskipun tidak sepenuhnya berlaku. Kahl (1968:37) menyatakan bahawa manusia moden merupakan seorang aktivis yang berikhtiar membentuk dunianya daripada sekadar bertindak balas secara pasif dan fatalistik. Ia bersikap individualistik, cenderung kepada kehidupan di bandar daripada di luar bandar atau pedalaman, dan ia mengikuti perkembangan terkini melalui media massa.

Kesemua ini dapat dikatakan konsep individu dan masyarakat kesan daripada perubahan yang berlaku. Sikap dan pemikiran, budaya benda ataupun pemerian dan kesenian adalah antara aspek yang membentuk sebuah peradaban ataupun tamadun. Aspek ini terdapat dalam beberapa tahap perubahan sosial seperti yang dikemukakan Robert H. Lauer. Bagi meneliti ruang perubahan yang terdapat dalam masyarakat, Ibn Khaldun pula telah menyatakan empat perkara utama yang perlu dipertimbangkan (dalam Lauer: 1973). Menurut Ibn Khaldun, kaedah secara historikal adalah pendekatan yang terbaik bagi memahami perubahan sosial. Hal ini bermakna pengkaji perlu memahami perkembangan sejarah atau faktor sebab dan akibat kepada sesuatu perubahan yang berlaku. Untuk melihat perubahan puisi Melayu tradisional ke arah kemodenan, faktor sebab dan akibatnya, faktor sejarah pemodenan itu sendiri, keinginan untuk membebaskan kongkongan dan pengaruh sastera luar memberikan pengaruh terhadap sesuatu perubahan perlu diberi perhatian.

Begitu juga dengan perbezaan bentuk institusi sosial dan aspek sosial dan psikologikal seperti kepemimpinan dan gerakan sesuatu kelompok yang dapat membantu kita memahami sesuatu perubahan. Gerakan Islah seperti yang dibawa Syed Syekh Al Hadi, kelompok ASAS 50 yang mementingkan ideologi perjuangan masyarakat marhaen, kumpulan Anak Alam yang mencari kebebasan kesenian dalam alam lukisan dan kepenyairan serta menggiatkan teater mempunyai kecenderungan tertentu (Siti Zainon Ismail, 1997:8). Ibn Khaldun juga menekankan betapa konflik ialah asas mekanisme perubahan. Faktor ini dapat dianggap faktor utama kerana tanpa konflik agak sukar berlaku sesuatu perubahan. Reaksi terhadap transisi antara tradisional dengan pemodenan, masyarakat yang kurang terbela, belunggu dan eksploitasi penjajahan, tuntutan kemerdekaan dan kebebasan bersuara, perjuangan pengisian kemerdekaan yang lebih bermakna adalah antara situasi yang menimbulkan konflik dan ini berlaku di tanah air kita.

Hal ini sejajar dengan pernyataan salah seseorang sejarawan ulung dunia Arnold Toynbee (dalam Lauer, 1973:37-41) yang menyatakan bahawa faktor seperti persekitaran yang menyukarkan, faktor tanah tidak dapat dimanfaatkan, tekanan, iaitu situasi ancaman luar yang berterusan, bangsa atau kelas masyarakat yang sentiasa dikenakan tekanan atau diskriminasi, eksploitasi akan menjadi faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan. Hal ini disifatkan Robert H. Lauer sebagai tindak balas dan cabaran yang membuahkan perubahan. Namun begitu sama seperti Ibn Khaldun, Toynbee juga menekankan kepentingan psikologikal-sosial dan pemusatan konflik dalam aspek perubahan yang terhasil. Dalam perubahan sosial, jiwa individu juga memainkan peranan yang penting, misalnya pengambilalihan kelompok kepemimpinan daripada penjajahan, peluang menduduki institusi sosial tertentu seperti menerajui universiti dan sebagainya akan memberi arah berlakunya perubahan.

Sikap individu terhadap pernyataan kehidupan telah memberikan ekspresi tertentu, khususnya dalam sastera. Misalnya, mementingkan nilai fikiran daripada sentimen, diucapkan secara sureal atau secara audio visual, malah juga diungkapkan dalam bentuk yang lebih halus seperti secara satira atau wit.

## PELOPOR DAN KEDINAMIKAN PUISI MELAYU MODEN

Secara umumnya terdapat beberapa ciri puisi. Antaranya susunan yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang baik, ekspresif, kental, mengandungi nilai-nilai keindahan, mempunyai bentuk tertentu, dan dipengaruhi unsur muzik. Selain itu, pembahagian unit bagi pernyataan idea ialah sebahagian daripada ciri puisi yang universal sifatnya. Puisi Melayu tradisional menurut Harun Mat Piah (1993:5-6) mempunyai beberapa ciri tertentu, misalnya bersifat lisan dan diwarisi serta disebarikan secara tradisi lisan. Bentuknya yang terikat dengan konvensi-konvensi tertentu memberikan bentuk dan struktur tertentu. Dalam masyarakat Melayu, puisi menjadi bentuk yang terpenting sebagai ekspresi individu dengan persekitarannya.

Puisi tradisional juga bersifat fungsional. Puisi sebegini digunakan untuk sesuatu tujuan tertentu. Misalnya, syair digunakan bagi menyampaikan cerita dan pengajaran serta digunakan untuk tujuan yang berunsur keagamaan. Puisi Melayu tradisional dikatakan mempunyai unsur-unsur muziknya. Hampir kesemua pengucapannya disampaikan dalam irama dan intonasi yang tipikal. Kebanyakannya dijadikan seni kata dalam lagu-lagu rakyat, untuk mengiringi permainan dan persembahan yang berunsur ritual, magis dan keagamaan.

Puisi Melayu moden mempunyai akar dan dasar daripada puisi Melayu tradisional. Puisi Melayu moden ditanggapi sebagai mempunyai landasan yang bersifat tradisional, sekurang-kurangnya daripada segi keindahan bahasa. Perubahan nilai hidup dan suasana masa yang mendasari segala gerak pengalaman telah memberi nilai baru yang tidak mungkin dapat diterima secara penuh dalam kelompok suatu masyarakat transisi. Nilai pembaharuan yang dibuat mempunyai hambatan yang tersendiri dalam usaha untuk mendapat tempat yang wajar dalam konteks masa kelahirannya. Aspek yang menarik tentang perubahan dan penyimpangan puisi Melayu ialah tanggapan Masuri S.N. (1968:1-2) tentang perkembangan puisi Melayu baru. Menurut beliau perkembangan puisi baru bermula pada 1934-41. Masuri menyatakan perkembangan jiwa dan pengalaman bangsa zaman kini tidak lagi sesuai diungkapkan dalam bentuk puisi lama terutama pantun dan syair. Hal ini demikian kerana bentuk tersebut dianggap sebagai mengekang kebebasan untuk mencurahkan perasaan jiwanya dan fikirannya. Sebaliknya, bentuk



baru dianggap sebagai lebih bebas, dan mampu “menampung bisikan hati”, dan lebih sesuai dengan perkembangan zaman.

Justeru Masuri S.N telah meletakkan Muhammad Yasin Ma'mor sebagai pelopor puisi baru di Tanah Melayu pada tahun-tahun 30-an. Beliau telah mengambil sajak “Ibuku” (1934) daripada *Majallah Guru* sebagai sandaran utama hujahnya itu. Perhatikan sajak tersebut:

Ibuku

wahai ibuku wahai bondaku  
mengapa ta' tidor mengapa dukacita  
malam siang panas dan sejuk?  
“Ayohai anaku ayohai puteraku!  
Mendidek kau terang dan gelita  
Puas dinyanyi jemu dipujuk.

Hai! Azabnya bonda mengasuh beta  
Makan minum sekalian di chega  
Menyelamatkan anak 'kan menjadi manusia  
Itulah ibu terus berkata:  
“Lindungan ibu sebagai mega  
Lelahan ibu hilang upaya.”

Ibu! Ibu mahkota negeri  
Bersumpahlah anakanda dalam dunia  
Membela pelihara akan bondaku  
“Anakanda! Anakanda mestika puri  
Selamatlah engkau dalam bahagia  
Siratkan niatmu sebagai ibuku.”

“Oh ibuku...”

(Ali Haji Ahmad, 1965:6)

Menurut Masuri meskipun bentuk dan isi puisi moden tidak banyak bezanya dengan puisi lama, isi fikirannya masih lagi dalam lingkungan nilai masyarakat Melayu, iaitu tentang tanggungjawab ibu bapa dan anak yang saling memerlukan. Isi utama sajak tersebut ialah betapa perlunya membalas jasa orang tua dan memberikan perlindungan kepada mereka. Daripada segi bentuk, Masuri berpendapat bahawa terdapat gejala atau sekurang-kurangnya

lintasan fikiran penyairnya untuk menyimpang daripada bentuk pantun.

Antaranya ialah pemilihan kata yang dikatakan menggambarkan bayangan lintasan fikirannya sendiri, misalnya penggunaan perkataan “lindungan ibu sebagai mega” yang dianggap Masuri sebagai pembebasan pertama daripada pemilihan kata puisi lama dan pembebasan pengucapan jiwa penyair secara peribadi. Selain itu, suku kata yang bebas dan mesej langsung tanpa pembayang maksud utama juga menjadi pertimbangan utama ukuran puisi Melayu baru. Pada pandangan Masuri perkembangan bermakna perubahan.

Dalam hal ini perubahan sosial yang merujuk kepada karektor masyarakat diikuti perubahan mekanisme dalam kelompok manusia. Perubahan dalam konteks ini bukan sahaja dari segi tingkah laku sosial, malah dalam reaksi baru terhadap sesuatu yang ada dalam tradisi kesusasteraan. Misalnya, pembaharuan dan penyimpangan daripada segi bentuk, isi, teknik, rima, diksi, sikap, imej dan sebagainya daripada akar puisi Melayu tradisional beransur-ansur mula membebaskan diri bagi mencari kebebasan pengucapan dan penyampaian sejajar dengan perkembangan masa.

Selain Masuri S.N, Ali Haji Ahmad (1965:iv) juga berpendapat bahawa puisi baru Melayu di Malaya bermula pada bulan Mac 1934 yang dimulai oleh Pungguk. Puisi tersebut terbit di dalam *Majallah Guru*, sebuah majalah bulanan yang diterbitkan oleh pertubuhan guru-guru sekolah Melayu. Seperti Masuri S.N, Ali Haji Ahmad juga memberikan contoh sajak “Ibuku’ sebagai sandaran hujah. Beliau juga memetik sajak “Rayuan Tanah Air” oleh Ngumba sebagai bibit-bibit kedinamikan dalam puisi Melayu yang telah menyerap sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Menurut beliau secara keseluruhannya penyair-penyair tersebut “mempunyai pandangan idealistik” dan bentuk sajak-sajak pula “sedang ke peringkat kesempurnaan”. Antara rangkap yang dirujuknya ialah:

Wahai malangnya nasibku bergelar pahlawan Tanah Semenanjung  
Berbangsakan Melayu. Umat nan masih tidur nyedar.  
Kemuliaan dan ketinggianku. Haram kalau dijunjung  
Umatku lalui. Kaumku lena. Belum pun sedar-sedar.

(Ali Haji Ahmad, 1965:25)

Sajak tersebut sebenarnya cuba melepaskan diri daripada unsur tradisi. Justeru percubaan mainan bentuk sajak dilakukan oleh pengarangnya. Meskipun jumlah panjang setiap baris hampir sama, penyair meletakkan perkataan “Semenanjung” di baris hujung dan di satu baris lain. Tidak terdapat pembayang maksud, dan rimanya pula aabc yang menunjukkan penyimpangan nyata daripada puisi Melayu tradisional. Namun tidak wajar dikatakan pelarian sepenuhnya kerana mainan bunyi aliterasi, dan konsonan memperlihatkan unsur-unsur mainan bunyi puisi Melayu tradisional pantun ataupun syair.

Berdasarkan pandangan tersebut, terdapat unsur konvensi, pembaharuan dan penyimpangan dalam sajak-sajak awal di Tanah Melayu. Penyimpangan berlaku daripada konsep puisi Melayu tradisional yang tulen, berkembang secara evolusi, menuju dan mencari pengucapan yang lebih dianggap sesuai dengan perkembangan semasa. Penyimpangan dan pembaharuan yang berlaku pula mendapat tentangan, terutama daripada golongan konservatif.

Setelah Pungguk berhenti menjadi pemimpin *Majallah Guru*, terdapat usaha untuk meminggirkan puisi-puisi “baru”. Sejak pemberhentian Pungguk, majalah tersebut kembali kepada konvensi, dan kembali menyiarkan puisi cara lama yang dangkal dan kurang bermutu dalam aspek puisi. Menurut Ali Haji Ahmad (1965:xvii) pada tahun-tahun 1939 dan 1940 hanya terdapat sebuah puisi dalam majalah tersebut yang dapat dikemukakan sebagai bermutu daripada segi seni. Puisi tersebut terkeluar sedikit daripada konvensi, rangkap dan rima pada baris akhir dan bayangan syair lama dengan sedikit perbezaan sahaja. Ali Ahmad (1965: xviii) menyatakan bahawa golongan konservatif tersebut terlampau mementingkan bentuk luaran, berbanding dengan aspek isi atau perasaan hingga karya berkenaan kebanyakannya tidak bermutu seni.

Selain itu, terdapat juga percubaan yang menarik dalam sajak Kasmani Ariff. Daripada satu segi, Kasmani cuba menyedarkan masyarakat melalui sajak-sajaknya. Namun begitu, menurut Ahmad Kamal Abdullah (1989:xii) ia bukanlah suatu yang dominan jika dibuat ukuran yang lebih menyeluruh. Malah menurut beliau generasi ini gagal menimbulkan pemikir dalam bidang esei dan kritikan hingga wujud kekosongan yang menjejaskan perkembangan intelektualisme.

Ali Haji Ahmad juga menyatakan puisi baru di Indonesia telah muncul lebih dahulu daripada Malaya. Puisi Melayu baru di Tanah